Utusan Borneo: 24 November 2026

Pemuda simpan kereta curi diperintah jalani khidmat masyarakat

KUCHING: Seorang pemuda berusia 20 tahun yang melakukan kesalahan menyimpan sebuah kereta sedan curi diperintahkan Mahkamah Majistret Kuching untuk menjalani khidmat masyarakat selama 120 jam dalam tempoh 12 bulan bermula semalam.

Tertuduh mengaku bersalah atas pertuduhan mengikut Seksyen 411 Kanun Keseksaan di hadapan Majistret Ling Hui Chuan.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Tertuduh secara tidak jujur (curang) memiliki kereta curi berkenaan di hadapan sebuah bengkel di Taman Desa Ilmu, Kota Samarahan, sekitar jam 1.15 petang pada 19 Oktober 2026.

Memandangkan tertuduh berusia bawah 21 tahun, hukuman itu dijatuhkan mengikut Seksyen 293(e) Kanun Tatacara Jenayah, yang membolehkan mahkamah memerintahkan pesalah muda menjalani khidmat masyarakat sebagai ganti hukuman penjara atau denda.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh melaporkan diri ke Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam tempoh 14 hari bermula semalam.

Tertuduh juga perlu mematuhi jadual yang ditetapkan JKM serta menyertai semua aktiviti dan program anjuran jabatan itu mengikut budi bicara dan arahan JKM. Dia turut diberi amaran bahawa kegagalan mematuhi perintah mahkamah boleh mengakibatkan tindakan undang-undang diambil terhadapnya.

Sekiranya berpindah atau menukar tempat kediaman, tertuduh perlu segera memaklumkan perkara itu kepada JKM.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nurul Aqila Morsalin manakala tertuduh tidak diwakili peguam.



MENGAKU SALAH: Tertuduh dibawa keluar selepas prosiding mahkamah selesai.